

# PERANAN INSTITUSI KEWANGAN DALAM MEMPERTINGKATKAN PEMILIKAN KEKAYAAN UMMAH: SATU GAGASAN DAN CABARAN

**Y.BHG. DATO' ZUKRI SAMAT**  
**Pengarah Urusan**  
**Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam)**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dan Salam Sejahtera

- Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Sri, Dato' XXXXX (senarai nama orang-orang kenamaan akan disediakan oleh Urus Setia di pentas ucapan pada program tersebut)
- Urus Setia KEI-3
- Rakan-rakan seperjuangan daripada industri perkhidmatan kewangan Islam (IFSI)
- Rakan media
- Tuan-tuan dan puan-puan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian hanya bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan kerabat Baginda.*

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Terlebih dahulu, bagi pihak Urus Setia, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas kesudian para hadirin meluangkan masa bersama-sama kami menyertai “Kongres Ekonomi Islam” tersohor siri ke-3 ini. Kali terakhir Kongres ini disambut ialah pada tahun 1972. Sesungguhnya, kami amat berbesar hati dengan kehadiran semua pada hari yang bertuah ini, demi merealisasi matlamat, yang antara lain, menjadikan Kongres ini sebagai satu platform yang berkesan bagi

menjana idea dan sudut pandangan yang baru dan segar dalam memperkukuh kesejahteraan *ummah* di Malaysia bagi menghadapi cabaran globalisasi.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Sebelum kita memperincikan peranan institusi kewangan Islam dalam mempertingkatkan pemilikan kekayaan dalam kalangan umat Islam di Malaysia, yang menjadi tajuk ucapan saya pada hari ini, adalah amat relevan jika kita mengimbuai kembali secara ringkas tanggapan Islam tentang konsep kekayaan secara umum.

Secara amnya, kekayaan boleh didefinisikan sebagai nilai bersih, iaitu nilai aset bersih ditolak liabiliti pada satu-satu masa. Aset-aset ini boleh dikategorikan dalam pelbagai bentuk mengikut beberapa tatanama seperti kewangan dan bukan kewangan, ketara dan tidak ketara, serta yang boleh dipasarkan dan yang tidak boleh dipasarkan.

Islam menganggap kekayaan sebagai pemberian atau rezeki tanpa batas daripada Allah yang amat pemurah. Sesungguhnya, Allah merupakan pemilik sebenar dan mutlak segala pemberian, dan memberikan keberkatan terhadap sesiapa yang mendapatkan kekayaan itu melalui cara yang halal dan membelanjakannya mengikut ajaran Islam. Dalam kata lain, kaedah mendapatkan, mengumpul, mengedar dan mengagih kekayaan mestilah mematuhi peraturan dan prinsip Syariah. Islam menghormati hak individu terhadap pemilikan, sementara pada masa yang sama, menggesa sesiapa yang memiliki kekayaan supaya memenuhi tanggungjawab sosial mereka.

Sesungguhnya, pemilikan kekayaan merupakan satu bentuk ujian daripada Allah terhadap hambaNya yang diberikan tugas sebagai pemegang amanah yang mesti mencuba sebaik mungkin mengelakkan diri daripada sebarang penyalahgunaan seperti yang digambarkan oleh Imam Al-Ghazali, iaitu “kekayaan seumpama seekor ular yang membawa bersamanya bisa dan penawar; bahaya dan manfaat”. Kurniaan rezeki kekayaan tidak sepatutnya dianggap hanya sebagai penghormatan tetapi juga sebagai tugas atau tanggungjawab untuk dibelanjakan atau dilaburkan dengan bijaksana, sementara menyorok harta, mensia-siakannya dan membazirkan harta tersebut wajib dihindari sama sekali.

Islam tidak menghalang pengumpulan harta persendirian tetapi mengutuk pengumpulan harta di dalam tangan segelintir pihak tertentu yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Harta sepatutnya dimiliki melalui usaha yang produktif oleh individu dan bukannya atas usaha orang lain. Namun, dalam Islam, kejayaan sebenar yang kita perlu capai adalah memperolehi tahap *ubudiyyah* yang abadi atau kepatuhan terhadap Allah dan bukannya pengumpulan harta.

Al-Dailami meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda, “Seorang Islam harus mempersiapkan diri untuk kehidupan akhirat seolah-olah dia akan mati pada keesokan harinya, tetapi pada masa yang sama, dia harus bekerja kuat untuk meningkatkan kesejahteraan hidup di dunia, seolah-olah dia akan hidup selamanya”.

Menyorok kekayaan adalah dilarang sama sekali dalam Islam kerana ia menyekat peredaran kekayaan dalam kalangan masyarakat. Kekayaan yang terhasil daripada usaha yang halal hendaklah beredar dalam kalangan orang ramai (bukan segelintir) kerana kekayaan yang dibelanjakan dengan baik akan menjana kekayaan baru dan memastikan ramai orang lain mempunyai punca pendapatan. Mekanisme peredaran dan pengagihan kekayaan dalam Islam adalah bertujuan menjaga hak orang ramai dalam masyarakat terutamanya yang lemah dan mudah terjejas.

Memandangkan Islam tidak menentang usaha mengejar keuntungan kebendaan atau pengumpulan harta yang sah, menjadi multi jutawan atau ribu jutawan bukanlah perbuatan yang keji. Malah, kita harus berbangga melihat kemunculan umat Islam yang menjadi “orang kaya baharu”, yang kemudiannya boleh kita harapkan akan menunaikan tanggungjawab mereka membantu umat Islam yang kurang bernasib baik.

Walau bagaimanapun, daripada empat puluh lelaki dan wanita terkaya di Malaysia pada tahun 2008, seperti yang diterbitkan oleh majalah Forbes Asia terbitan 2 Jun 2008, hanya lapan orang Islam yang tersenarai dalam barisan “Senarai Orang Kaya” di Malaysia. Dalam senarai ini, hanya seorang sahaja individu Islam yang termasuk dalam senarai 10 teratas yang layak masuk ke kelab ribu jutawan yang

dinilai dalam dolar Amerika Syarikat. Jika digabungkan kekayaan kelapan-lapan individu Islam itu, mereka hanya menyumbang 7.9% daripada kekayaan keseluruhan hartawan Malaysia yang dianggarkan berjumlah AS\$46.133 bilion.

Untuk mendapatkan gambaran sepenuhnya pemilikan kekayaan dalam kalangan umat Islam di Malaysia, sebarang analisis hendaklah berdasarkan pendekatan dan mengambil-kira perspektif semua kelas aset utama yang dimiliki umat Islam, sama ada dari segi kewangan atau bukan kewangan. Malangnya, cabaran terbesar yang kami hadapi bagi menyediakan ucapan ini ialah ketiadaan data sebenar yang relevan atau barangkali, ketidakwujudan mereka dalam domain awam. Berlatarbelakangkan perkara ini dan berdasarkan pengetahuan saya, perkembangan pemilikan kekayaan umat Islam di Malaysia boleh dijelaskan dengan membuat rujukan yang munasabah menerusi hanya dua set penunjuk, iaitu ekuiti dan harta tanah bukan kediaman.

Memandangkan kedua-dua kategori data ini dipecahkan dari segi pemilikan Bumiputera dan bukan Bumiputera, saya terpaksa membuat andaian umum bahawa secara purata, pemilikan umat Islam mencakupi 90% daripada keseluruhan pemilikan Bumiputera. Dengan demikian, pemilikan ekuiti dalam kalangan umat Islam di Malaysia sebagai peratusan kepada pemilikan ekuiti negara melonjak kepada 17.4% pada tahun 2006 daripada hanya 2.1% pada tahun 1970. Begitu juga, pemilikan harta tanah bukan kediaman oleh umat Islam di Malaysia sebagai peratusan kepada jumlah keseluruhan meningkat hampir sekali ganda kepada 13.5% pada tahun 2007 daripada hanya 7.4% pada tahun 2002. Lebih daripada 60% bangunan yang dimiliki oleh umat Islam di Malaysia merupakan bangunan setingkat dan dua tingkat.

Ketiadaan data mengenai pemilikan harta lain seperti bon, unit amanah/ dana bersama, skim insurans, rumah dan tanah yang dipegang oleh umat Islam Malaysia akan memberikan gambaran tidak lengkap tentang pemilikan kekayaan umat Islam. Sememangnya, dengan ketiadaan data sebegini, agak sukar bagi kita untuk membuktikan secara tepat sumbangan sistem kewangan khususnya industri perkhidmatan kewangan Islam (IFSI) terhadap proses pembentukan, pengumpulan, pemeliharaan, peredaran dan pengagihan kekayaan oleh umat Islam di Malaysia.

## **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Kemuliaan Islam sebagai agama yang sempurna dapat dibuktikan dengan wujudnya aplikasi Islam yang meluas dalam semua aspek kehidupan manusia yang saling berkait rapat dan saling bergantung, termasuk dalam bidang ekonomi. Secara umum, umat Islam boleh menjalankan sebarang aktiviti ekonomi dan amalan komersial kecuali perkara-perkara yang diharamkan, iaitu perkara-perkara yang boleh membawa keburukan dari segi moral dan kebendaan kepada diri mereka atau masyarakat secara keseluruhan, antara lain termasuk peminjaman yang dikenakan riba, perjudian, alkohol, bahan berdasarkan khinzir, bahan yang mengkhayalkan seperti dadah, bahan-bahan lucuh, amalan sorok untuk meningkatkan harga dan memanipulasi harga.

Pada dasarnya, sebagai satu jalan tengah antara kapitalisme dan sosialisme, prinsip umum dan peraturan yang wujud dalam ekonomi Islam berusaha untuk mencapai imbangan yang adil antara usaha swasta (individualisme) dengan keutamaan sosial (kolektivisme) atau antara kecekapan ekonomi dengan keadilan sosial tanpa menghalang usaha individu. Perbezaan ciri ekonomi Islam yang lain ialah kepentingan normatif dan insentif kerohanian dalam tindak-tanduk ekonomi sebagai satu daripada motif di sebalik sebarang aktiviti ekonomi. Ekonomi Islam juga mengiktiraf perbezaan dari segi keupayaan individu yang boleh bertindak sebagai penghalang semula jadi kepada mereka untuk mendapatkan akses terhadap pembentukan kekayaan dalam masyarakat. Melaksanakan ajaran sistem ekonomi Islam yang sebenar sepatutnya memberikan sumbangan yang bermakna ke arah pengukuhan pemilikan kekayaan dalam kalangan umat Islam.

Sistem ekonomi Islam adalah unik jika ditinjau dari aspek sifatnya yang memiliki mekanisme pengagihan atau peruntukan dan jaringan keselamatan sosial yang melibatkan pemindahan pendapatan dan kekayaan daripada penduduk yang secara relatifnya kaya kepada penduduk miskin dan yang memerlukan di samping *Faraidh* atau undang-undang pewarisan yang memastikan kekayaan tersebar dalam kalangan waris yang layak atau waris dekat dari generasi ke generasi bagi mengelakkan pemilikan tertumpu pada seseorang individu.

Dalam Islam, terdapat dua kategori utama pemindahan pendapatan atau kekayaan dengan kesan pengagihannya khusus bagi faedah umat Islam yang berpendapatan rendah:

- (a) Pemindahan mandatori yang juga merupakan sebagai alat dasar fiskal seperti *Zakat* (cukai kekayaan), *Ushr* (cukai terhadap hasil pertanian) dan *Zakat Al-Fitr* (levi terhadap individu yang akan diagih-agihkan pada akhir bulan Ramadan)
- (b) Pemindahan sukarela untuk tujuan kebajikan atau sebagai kaedah pewarisan seperti *Sadaqah* (derma), *Tabarru* (memberi derma), *Hibah* (hadiah atau peruntukan kekayaan semasa pemilik harta masih hidup), *Wasiyah* (hadiah atau pengagihan kekayaan setelah pemilik harta meninggal dunia) dan *Waqf* (kurniaan atau pemegang amanah yang dijalankan untuk menjana pendapatan mengikut tujuan yang ditetapkan oleh pemilik harta)

Sekiranya dilaksanakan dengan betul, pengagihan wang *Zakat* kepada lapan *asnaf*, iaitu kategori yang mendapat manfaat daripada *Zakat*, akan membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat terutamanya golongan miskin dan serba kekurangan atau sekurang-kurangnya dapat memecahkan “vicious cycle” kemiskinan. Apa yang kita perlukan sekarang ini ialah kajian empirikal merentas negara tentang kesan pungutan dan pengagihan *Zakat* ke atas pembasmian kemiskinan dan pemilikan kekayaan umat Islam.

### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Pada dasarnya, sesuatu sistem kewangan, Islam atau konvensional, berfungsi sebagai medium untuk memindahkan dana daripada unit ekonomi yang mempunyai lebih tabungan, yang kemudiannya disalurkan semula ke unit ekonomi yang mempunyai defisit tabungan. Selain daripada pemindahan sumber kewangan, penting ditekankan di sini peranan yang dimainkan oleh sistem kewangan Islam sebagai conduit dalam pembentukan, pengumpulan, pemeliharaan dan pengagihan kekayaan.

Secara intuitif, berdasarkan pertambahan dalam peratusan pemilikan ekuiti umat Islam yang secara konsisten melebihi 16% hanya selepas tahun 1985, iaitu dua tahun selepas penubuhan bank Islam pertama di Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, IFSI berhak mendapat penghargaan sebagai salah satu pemangkin kepada trend yang menggalakkan itu. Hari ini, IFSI telah berkembang menjadi komponen penting dalam sistem kewangan keseluruhan Malaysia bukan lagi hanya sebagai alternatif kepada kewangan konvensional.

Meskipun IFSI tidak sepenuhnya kebal daripada kesan kemerosotan ekonomi atau krisis kewangan memandangkan hubungannya yang secara langsung dengan aktiviti ekonomi sebenar, tetapi jelas terbukti ia lebih berdaya tahan semasa krisis. Malahan, kewangan Islam yang mengikut peraturan dan prinsip Syariah, diperkukuh dengan penstabil intrinsik dan mekanisme penyerap kejutan terbina dalaman yang membantu meningkatkan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan. Di samping itu, ia melindungi sistem kewangan daripada pendedahan yang berlebihan terhadap risiko, melalui nilai-nilai yang boleh dibahagikan kepada empat kategori utama, iaitu:

- (a) Rakan Kongsi: Perkongsian risiko dan ganjaran; kontrak berdasarkan ekuiti
- (b) Etika: Pengharaman *maisir* (perjudian/spekulasi), *riba* (faedah) dan *zulm* (penindasan); larangan elemen-elemen, amalan-amalan dan aktiviti tidak beretika, seperti kegiatan sorok, memanipulasi harga, monopoli dan manipulasi lain dalam pasaran; tumpuan yang sangat jelas terhadap kesaksamaan dan keadilan.
- (c) Hubungan terus dengan ekonomi sebenar: Kesemua transaksi adalah berdasarkan aktiviti ekonomi sebenar; larangan gharar (ketidakpastian/kesamaran/ maklumat salah/ pendustaan/ penipuan).
- (d) Tadbir Urus: Ketelusan dan pendedahan yang lebih jelas; tanggungjawab dan akauntibiliti fidusiari yang lebih mantap.

Memandangkan IFSI menjadi semakin penting dalam sistem kewangan Malaysia dan ekonomi Malaysia secara amnya, sudah tentu IFSI akan memainkan peranan yang utama dalam menampan badai kegawatan kewangan dan ekonomi global sekarang ini terhadap sektor kewangan Malaysia dan ekonomi domestik secara

keseluruhan. Mempunyai sistem kewangan yang teguh dan berdaya tahan secara konsisten seperti IFSI akan memastikan pemeliharaan kekayaan, sementara pertumbuhan pesat produk kewangan Islam yang inovatif khususnya bagi tujuan pelaburan akan membantu memperluaskan skop pilihan bagi pengumpulan kekayaan dalam kalangan rakyat Malaysia, umat Islam dan bukan Islam.

### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Bagi membolehkan rakyat Malaysia khususnya umat Islam menjana dan mengumpul kekayaan, adalah menjadi kemestian untuk memastikan mereka mempunyai apa yang diperlukan untuk hidup dengan selesa terlebih dahulu atau dengan lebih tepat lagi, untuk mendapatkan pendapatan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas yang minimum terutamanya untuk kemandirian isi rumah termasuk makanan, pakaian, tepat tinggal (sewa atau bayaran pinjaman rumah bulanan), kesihatan, pendidikan, utiliti, pengangkutan, komunikasi dan rekreasi.

Bagi tujuan menarik minat dan mengekalkan bakat terbaik di sesebuah organisasi, di samping memastikan pendapatan isi rumah yang minimum yang dapat menjamin tahap penggunaan minimum yang boleh diterima, adalah amat penting bagi kita semua untuk mengkaji semula struktur gaji dan pampasan ke arah sistem saaraan yang menitikberatkan prestasi dan ditanda aras mengikut amalan industri tetapi dalam lingkungan rangka kerja ke arah merealisasikan matlamat sosial negara dan memastikan pengagihan kemakmuran ekonomi negara yang lebih adil.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan dasar upah minimum berperingkat-peringkat secara sektoral, saya juga amat mengharapkan agar institusi kewangan Islam di Malaysia menjadi pelopor ke arah itu dengan menjalankan kajian yang teliti bagi mendapatkan formula yang sesuai untuk pendapatan minimum terjamin bagi kakitangan rakyat Malaysia, yang kebanyakannya merupakan umat Islam. Apabila diperkenalkan kelak, upah minimum untuk IFSI ini tidak akan kekal di tahap itu, malah akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa, contohnya setiap 3 hingga 5 tahun, dengan mengambil kira parameter seperti kos hidup semasa secara keseluruhan bagi kebanyakan isi rumah, tahap inflasi, garis kemiskinan pendapatan

negara dan faktor lain yang berkaitan dengan kuasa pasaran, khususnya skim saraan industri.

Memandangkan trend peningkatan kos hidup yang pesat beberapa tahun kebelakangan ini, dasar upah minimum, yang saya harap akan bermula daripada IFSI, akan berjaya memastikan para pekerja rakyat Malaysia menuju ke arah kehidupan yang memuaskan dan mencapai taraf hidup asas supaya tidak terjerumus dalam perangkap kemiskinan. Ini akan menjadi satu insentif yang berkesan untuk mendorong rakyat Malaysia, khususnya umat Islam untuk bekerja dengan lebih rajin bagi mendapatkan “upah kehidupan”. Walau bagaimanapun, sebagai tukar ganti dan demi menggalakkan umat Islam untuk bekerja dengan lebih rajin, saya ingin mencadangkan satu struktur ganjaran berdasarkan prestasi terutamanya berkenaan bonus tunai tahunan dan memansuhkan bonus kontrak meskipun tahap pembayaran bonus minimum masih boleh dipertimbangkan. Sementara pula, sistem ekonomi Islam itu sendiri mempunyai ciri pemberian peruntukan ganjaran yang adil atas kerja yang dilakukan dengan baik.

#### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Memandangkan pengumpulan kekayaan yang mapan adalah salah satu pemacu utama ke arah memperkasa *ummah*, kita harus terus mengingatkan diri kita dan menyingkap sejarah betapa kekayaan yang terlalu melimpah ruah telah menghancurkan banyak tamadun atau peradaban yang besar.

Dengan setulus hati, saya berdoa agar kongres selama empat hari ini akan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan membuahkan hasil seperti yang diharapkan. Saya menaruh harapan agar rumusan daripada KEI-3 pada hari Khamis ini akan menyerlahkan lagi keperluan untuk mempertimbangkan sistem ekonomi Islam yang merangkumi idea universal yang menjangkau sempadan agama, etnik, budaya, bahasa dan politik sebagai alternatif yang berdaya maju kepada sebarang sistem ekonomi yang berasal dari barat. Seperti Jepun yang berjaya mengimbangi kuasa ekonomi global pada tahun 1970an dan 1980an, diharap sistem ekonomi Islam yang diamalkan secara kolektif oleh negara-negara umat Islam dan bukan Islam satu

hari kelak akan mengulangi pencapaian itu, menandakan zaman pembaharuan di dunia Islam, yang pernah mencetuskan peradaban yang besar.

Dalam misi kami untuk mendorong pemilikan kekayaan umat Islam ke peringkat yang lebih tinggi, jangan sekali-kali kita lupa bahawa Islam amat menentang diskriminasi, prejudis atau '*bias*', malah menggalakkan peluang yang saksama kepada semua pihak. Usaha kita membina kekayaan umat Islam tidak harus menjejaskan kedudukan orang bukan Islam di Malaysia. Elemen yang sangat penting ialah bagi memastikan bahawa tidak ada bahagian tertentu dalam masyarakat atau sektor ekonomi di Malaysia akan merasai atau kelihatan dasingkan, direnggangkan, dirampas atau ditindas. Halatuju yang betul untuk masa depan adalah dengan membesarkan kek ekonomi negara secara komprehensif, supaya terjamin cukup untuk semua orang mendapatkan bahagian dan hak masing-masing.

Bagi merumus ucapan saya, izinkan saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran anda semua ke perhimpunan ini dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah bekerja keras bagi memastikan program ini berlangsung dengan jayanya.

Akhir kata, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wasalammualaikum waramatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.